

Headline	Suruhanjaya bantu beri amaran pencabulan hak asasi di negara Komanwel		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	30 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	111 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 229
Frequency	Daily	PR Value	RM 687



Suruhanjaya bantu beri amaran pencabulan hak asasi di negara Komanwel

PERTH: Cadangan suruhanjaya hak asasi manusia, sekiranya diterima pakai oleh Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) boleh memberi amaran kepada Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel (CMAG) mengenai situasi pencabulan hak asasi manusia, kata Pengerusi Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata suruhanjaya itu sebenarnya boleh membantu CMAG dan setiausaha agung Komanwel untuk menjadikan mereka lebih peka dengan kes-kes pencabulan hak asasi manusia di negara-negara Komanwel.

"Bagaimanapun, hanya CMAG mempunyai kuasa untuk bertindak (ke atas isu berkenaan) dan bukannya Pesuruhjaya," katanya kepada wartawan Malaysia di sini pada Sabtu.

Terdahulu, Abdullah dan anggota EPG mengadakan taklimat media berkaitan dengan cadangan itu yang merupakan bahagian teras dalam laporannya yang mengandungi 106 cadangan yang dibentangkan kepada ketua-ketua kerajaan pada mesyuarat CHOGM selama tiga hari berakhir 30 Okt.

Pada Jumaat malam, Abdullah berkata hanya dua isu utama iaitu penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Piagam Komanwel dipincangkan oleh pemimpin. Pemimpin dijangka membincangkan lebih lanjut mengenai laporan itu pada sesi permukiman mereka.

Laporan media memberi tumpuan kepada cadangan penubuhan suruhanjaya itu, menyatakan beberapa negara termasuk India, Sri Lanka dan beberapa negara Afrika membantah cadangan itu, atas alasan ia akan bertindih dengan peranan pegawai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan CMAG, dan akan membabitkan kos tinggi.

Bagaimanapun, pada taklimat media itu, EPG menyatakan suruhanjaya itu akan hanya mempunyai jumlah staf yang kecil dan menegaskan mengenai perlunya untuk mempunyai suruhanjaya yang akan memantau situasi hak asasi manusia di negara-negara Komanwel.

Abdullah berharap pemimpin akan menerima laporan itu, yang telah dikumpulkan dan dibukukan bertajuk 'A Commonwealth of the People-Time for Urgent Reform'.

Beliau menyifatkan buku itu sebagai "Suara Komanwel". "Ia adalah dokumen penting kerana suara Komanwel dicerminkan dalam buku itu," katanya.

Cadangan dalam laporan itu diperolehi daripada 330 hujahan yang menekankan bahawa Komanwel berdepan risiko untuk menjadi tidak relevan dan tidak menyakinkan sebagai sebuah pertubuhan berasaskan nilai.

Laporan itu juga menyentuh mengenai prejudis dalam mendapatkan rawatan HIV. Ia mengandungi cadangan bagi pemansuhan undang-undang yang menghalang seseorang daripada mendapatkan rawatan untuk HIV. - Bernama